

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

ZSE 370/2 - Meteorologi II

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.

Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Jelaskan prinsip-prinsip pembentukan hujan tiruan dan senaraikan agen-agen utama yang digunakan. Juga bincangkan teknik-teknik untuk menilaikan keputusannya.

(100 markah)

2. (a) Bincangkan bagaimana keadaan meteorologi dan jenis (konfigurasi) sumber pencemaran mempengaruhi keupayaan pencemaran udara bagi sesuatu tempat.

(80 markah)

- (b) Suatu pencemaran udara teruk yang berlaku baru-baru ini disebabkan oleh kebocoran gas beracun (toxic) di kilang "Union Carbide" di bandar Bhopal (India). Kemalangan ini menyebabkan beribu-ribu orang mati dan lebih daripada 100,000 orang tercedera. Terangkan tentang keadaan meteorologi yang mungkin wujud pada masa itu yang menghasilkan bencana tersebut.

(20 markah)

3. Dengan ringkas bincangkan berbagai-bagai pembetulan yang dikehendaki untuk menurunkan tekanan daripada suatu barometer "Fortin's" kepada keadaan piawai dan penurunan tekanan kepada paras piawai.

(100 markah)

...2/-

- 2 -

4. Bincangkan taburan-taburan cas (charge) di dalam awan-awan guruh dan mekanisma-mekanisma penjanaannya. Juga bincang aspek-aspek fizik bagi petir.

(100 markah)

- oooOooo -